

# PENDAFTARAN KONTRAKTOR PRA-LAYAK (Infra Telekomunikasi: Micro-Trenching)

Dalam halatuju Pulau Pinang ke arah Era Ekonomi Pengetahuan, PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd (PDC Telco), anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), akan membangunkan “Next Generation Network” berteraskan Fiber Optik di seluruh negeri.

Oleh yang demikian, PDC Telco ingin memanggil syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam kerja-kerja “Micro-Trenching” bagi Perparitan Bersepadu infrastruktur telekomunikasi untuk menyertai dalam proses “Pendaftaran Kontraktor Pra-Layak” bagi projek tersebut.

Sepertimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM), PDC Telco telah mewajibkan semua pekerja yang terlibat dalam kerja-kerja pengorekan itu diperakui oleh Kolej Multimedia. Selain itu, PDC Telco juga telah menetapkan satu pra-syarat tambahan, iaitu semua pekerja tersebut juga wajib diperakui oleh *Duraline-Plumetazz Fiber Academy*, India.

Maklumat lanjut berkaitan “Pendaftaran Kontraktor Pra-Layak” boleh diperolehi daripada PDC Telco, dan salinan Dokumen Penerangan Pra-Layak yang berkenaan boleh disemak pada waktu pejabat, Isnin hingga Jumaat di:



## **PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.**

1-12A-12A, SUNTECH@Penang Cybercity,  
Lintang Mayang Pasir 3, Bandar Bayan Baru,  
11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang.  
Telefon: 04-640 6644  
Faks: 04-640 6640

Kontraktor yang berminat untuk mendaftarkan diri boleh mendapatkan Dokumen Penerangan Pra-Layak tersebut pada RM 50.00 senaskah (tidak dikembalikan) dengan secara Wang Pos atau “Banker’s Cheque”

Dokumen pendaftaran tersebut harus disampaikan dalam sampul yang dimeterai bertajuk “**PDC Telco Pre-Q: Telecoms Infra, Micro-Trenching**” dan ianya mesti sampai di ibu pejabat PDC Telco selewat-lewatnya pada **12 Tengahari, 25 April 2014** di alamat seperti yang dinyatakan di atas.

PDC Telco berhak membuat keputusan bersabit pemilihan akhir.

**Tarikh : 9 April 2014**